



Isu keselamatan dalam kesejahteraan komuniti 'kampung dalam bandar' di Bandaraya Alor Setar, Kedah Darul Aman

Mohamad Shaharudin Samsurijan¹, Mohd Yusof Hussain², Azima Abd. Manaf², Rosniza Aznie CR²,
Novel L², Mohd Fuad MJ²

¹Program Perancangan Pengurusan Pembangunan, Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia, ²Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: Mohd Yusof Hussain (email: hmyusoff@ukm.my)

Abstrak

Aspek keselamatan merupakan isu penting dalam kehidupan masyarakat tidak kiralah samada di bandar atau luar bandar. Pengukuran aspek keselamatan ini seringkali digunakan oleh penyelidik sebagai faktor pengukur tahap kesejahteraan hidup penduduk. Kajian ini telah memilih aspek keselamatan sebagai fokus kajian dalam mengukur kesejahteraan hidup penduduk "kampung bandar" di Kampung Berjaya dan Kampung Mempelam, Alor Setar, Kedah. Kajian ini dilakukan bagi mengkaji persepsi penduduk "kampung bandar" terhadap tahap kesejahteraan hidup mereka dari aspek keselamatan. Seramai 132 responden telah terlibat, yang mana mereka ini terdiri daripada 30% daripada jumlah ketua isi rumah yang telah dipilih secara rawak di kedua-dua kampung berkenaan (81 orang di Kampung Berjaya dan 51 orang di Kampung Mempelam). Kajian ini telah menganalisis tiga peringkat ancaman keselamatan yang sering dihadapi oleh penduduk. Peringkat (i) persepsi penduduk terhadap kejadian bencana alam yang berlaku di kampung itu; (ii) persepsi penduduk terhadap kejadian-kejadian yang boleh mengancam keselamatan penduduk yang tinggal di dalam kampung dan (iii) persepsi penduduk terhadap tahap keselamatan di dalam kampung berkenaan. Hasil yang diperolehi bagi peringkat (i) penduduk "kampung bandar" berhadapan dengan ancaman banjir; pada peringkat (ii) penduduk "kampung bandar" seringkali diancam ancaman pecah rumah dan ragut; dan pada peringkat (iii) telah menunjukkan penduduk di Kampung Mempelam lebih berasa selamat dan paling kurang berhadapan dengan ancaman keselamatan berbanding dengan penduduk di Kampung Berjaya. Ini menunjukkan persepsi penduduk terhadap tahap kesejahteraan hidup mereka masih memerlukan perhatian yang sewajarnya daripada pihak yang berwajib.

Katakunci: komuniti lokal, bencana alam, tanggapan ancaman, keselamatan, kampung bandar, kesejahteraan

The safety issue in the welfare matrix of the urban village community of Alor Setar City, Kedah Darul Aman

Abstract

Safety is an important issue in both urban and rural areas as it is an important indicator in gauging the level of well-being. This study takes a close look at safety as a measure of well-being among the urban villagers of Kampung Berjaya and Kampung Mempelam, Alor Setar, Kedah. A total of 132 respondents constituting 30% of the total household heads was randomly selected and interviewed. Respondents were administered with questionnaires pertaining to their perception of natural disasters, of incidents that could threaten community safety, and of the existing safety level in the village. The results obtained respectively were perceived threats of floods; community wellbeing deemed unsafe because of the occurrences of burglary and theft; and respondents in Kampung

Mempelam expressed feeling safer than those of Kampung Berjaya. In conclusion, these perceptions of the local members of the urban village community point to the fact that they were still in need of systematic attention from the relevant authorities.

Keywords: local community, natural disaster, perceived threats, safety, urban villages, well-being

Pengenalan

Sejak kebelakangan ini proses pambandaran negara dilihat begitu rancak, ekoran daripada pengenalan Program Transformasi Negara, Model Ekonomi Baru dan pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-10 yang akan membawa Malaysia ke arah sebuah negara berpendapatan tinggi dan maju menjelang tahun 2020 (Malaysia, 2010). Semua agenda ini akan memberi impak positif ke atas pembangunan pambandaran negara untuk terus berkembang. Keadaan ini memberi kesan langsung kepada penduduk di dalamnya untuk berhadapan dengan perubahan suasana yang lebih mencabar dan berdaya saing (Lim et al., 1999). Keupayaan penduduk berhadapan dengan situasi ini akan memberi jaminan kesejahteraan yang baik kepada mereka. Justeru, isu yang berkaitan dengan keselamatan merupakan sebahagian daripada faktor penentu status kesejahteraan hidup penduduk bandar (Lim et al., 1999; Cummins, 2000; Narayana, 2009; Sirgy, 2011). Ia merupakan aspek penting dalam mewujudkan petunjuk statuskualiti hidup masyarakat bandar (Azahan, 2004; Azahan et al., 2008; Sirgy, 2011).

Kebanyakan bandar-bandar di Malaysia, penekanan berkenaan dengan isu ini kerap diberi perhatian menerusi pelbagai usaha yang dilakukan oleh pihak kerajaan dalam memastikan aspek keselamatan ini sentiasa dipantau dan diambil berat, ia termasuklah pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) di kebanyakan bandar utama di Malaysia bagi memantau kes-kes jenayah seperti ragut, peras ugut, kecurian kenderaan, pecah rumah dan sebagainya, dapat dipantau dengan lebih dekat, selain mewujudkan suasana yang selamat di bandar (Malaysia, 2010). Isu berkaitan dengan keselamatan juga amat berkait rapat dengan persekitaran manusia itu sendiri (Xie, 2005; Song et al., 2011). Bagi penduduk “kampung bandar” di sekitar bandaraya Alor Setar, isu keselamatan merupakan penentu kepada tahap kesejahteraan penduduk di sana. Sebenarnya sebarang bentuk pembangunan pambandaran jika dirancang dengan baik dapat membantu dalam meningkatkan kesejahteraan hidup masyarakat dalam sesebuah negara (Anuar, 2004; Asmah, 2005). Ini kerana, tidak semua projek pembangunan ini meninggalkan kesan yang positif terutamanya dalam memenuhi keperluan kesejahteraan kehidupan sosial dalam sesebuah bandar di Malaysia (Jamaludin, 2004; Azahan et al., 2008). Justeru, kajian ini akan merungkai persepsi penduduk “kampung bandar” di bandaraya Alor Setar terhadap isu keselamatan yang melanda dalam persekitaran kawasan “kampung bandar” tersebut.

Persepsi penduduk “urban village” terhadap tahap kesejahteraan hidup mereka dari segi keselamatan

Kajian persepsi penduduk “kampung bandar” hanya meliputi aspek keselamatan di kawasan “kampung bandar”. Analisis persepsi ke atas status kesejahteraan penduduk dari segi keselamatan telah dilakukan dalam kajian ini yang merangkumi (i) kejadian bencana alam yang berlaku di kawasan “kampung bandar”; (ii) kejadian-kejadian yang boleh mengancam keselamatan penduduk yang tinggal di “kampung bandar” dan (iii) persepsi penduduk “kampung bandar” terhadap tahap keselamatan di dalam kampung berkenaan.

Kejadian bencana alam

Persepsi penduduk terhadap kejadian bencana alam yang berlaku adalah banjir. Kajian ini mendapati masalah banjir sering berlaku setiap tahun. Kaji selidik yang dilakukan mendapati seramai 75.7%

responden menyatakan ancaman banjir adalah sebahagian daripada ancaman keselamatan penduduk di kampung ini. 75.7% ini merangkumi jawapan responden yang menjawab “kadang-kadang”; “kerap”; dan “sangat kerap” yang masing-masingnya ialah 50%, 17.4% dan 8.3%. Manakala baki 24.3% menjawab tidak pernah berlaku kejadian banjir. Bagi penduduk di Kampung Berjaya sebanyak 64.2% penduduknya menyatakan banjir sering berlaku di kawasan tempat tinggal mereka. Bagi penduduk di Kampung Mempelam pula majoriti penduduknya menyatakan banjir sering berlaku di kawasan tempat tinggal mereka, hanya 5.9% sahaja yang menyatakan mereka tidak pernah terlibat dengan kejadian banjir. Ini adalah suatu yang tidak mustahil memandangkan kawasan Kampung Berjaya dan Kampung Mempelam merupakan kampung yang agak rendah dan sistem peparitan yang tidak sempurna. Namun begitu, secara keseluruhannya 75.7% penduduk “kampung bandar” ini menyatakan bahawa banjir selalu berlaku di kawasan mereka. Punca utama yang telah dikenalpasti ialah kedudukan kampung yang rendah, sungai yang berhampiran semakin cetek, tiada pengurusan sungai yang sempurna dan sistem peparitan yang tidak sempurna dan diselenggarakan.

Ancaman keselamatan


Berikut adalah persepsi penduduk terhadap kejadian yang boleh mengancam keselamatan keselamatan mereka. Kajian ini telah mengariskan 14 jenis ancaman keselamatan yang telah dikenalpasti yang pernah wujud di negara ini. Sumber ini telah diperolehi dari Ibu Pejabat Polis Negeri Kedah Darul Aman pada 3 November 2010. Antaranya ialah di Jadual 1.

Jadual 1. Pertubuhan, aktiviti dan kes-kes yang boleh mendatangkan ancaman keselamatan

Pertubuhan, aktiviti dan kes-kes yang boleh mendatangkan ancaman keselamatan	
Pemberontakan	Rusuhan
Pertubuhan haram	Gengsterism
Kumpulan militan	Kongsi gelap
Pencerobohan pendatang asing	Kes pembunuhan
Kes penculikan	Ajaran sesat
Pecah rumah	Ragut
Peras ugut	Rogol

Kajian mendapati ancaman keselamatan yang sering berlaku di kawasan kajian adalah pecah rumah dan ragut. Majoriti penduduk di kedua-dua kampung ini mengakui masalah ragut dan pecah rumah sering berlaku di kawasan tempat tinggal mereka, kawasan perumahan berhampiran serta di beberapa kawasan Bandaraya Alor Setar. Ini dilihat boleh memberi ancaman ke atas kesejahteraan hidup dari segi keselamatan penduduk “kampung bandar” dan masyarakat yang turut berada di persekitarannya. Persepsi penduduk terhadap ancaman pecah rumah dan ragut masing-masingnya ialah 66.7% dan 58.3%.

Namun begitu, ancaman keselamatan lain turut juga dikatakan pernah berlaku di kawasan “kampung bandar” ini. Antaranya ialah gengsterism, kongsi gelap, pencerobohan pendatang tanpa izin (PATI), ajaran sesat dan rogol. Namun, kajian terhadap persepsi penduduk terhadap ancaman-ancaman tersebut mendapati ia hanya pernah berlaku dan berjaya dikawal oleh pihak berkuasa. Bagi lain-lain ancaman seperti yang dinyatakan sebelum ini tidak pernah berlaku di kedua-dua kampung ini. (Rajah 1)



Rajah 1. Persepsi penduduk “kampung bandar” berkenaan dengan ancaman keselamatan yang pernah berlaku di kawasan mereka


Sungguhpun begitu, persepsi berkenaan ancaman keselamatan ini didapati berbeza mengikut kampung. Kajian mendapati ancaman keselamatan ini kerap kali berlaku ke atas penduduk di Kampung Berjaya. Manakala penduduk di Kampung Mempelam hanya terdedah ancaman pecah rumah dan ragut. Perinciannya di Jadual 2.

Jadual 2. Persepsi penduduk terhadap ancaman keselamatan yang kadang-kadang dan kerap berlaku mengikut kampung

Jenis Ancaman	Kampung Berjaya	Kampung Mempelam
	Peratusan (%)	Peratusan (%)
Gengsterism	40.7	0
Kongsi gelap	42	0
PATI	76.5	4
Ajaran sesat	22.2	2
Pecah rumah	80.2	45.1
Ragut	60.5	54.9
Peras ugut	33.3	7.8
Rogol	12.3	0

Peringkat ketiga

Peringkat ini merupakan sebahagian daripada persepsi penduduk terhadap tahap keselamatan mereka di dalam kampung berkenaan. Peringkat ini akan mengukur sejauhmana mereka berasa sejahtera dari segi keselamatan seperti “selalu berasa selamat tinggal di sini”; “pernah melihat kereta peronda polis meronda di kawasan rumah mereka”; “sentiasa mengunci pintu ketika berada di dalam rumah”; “sering melihat kelibat orang yang tidak dikenali melintasi rumah mereka”; dan “wujud perasaan curiga apabila melihat kelibat orang luar” (Rajah 2).




Rajah 2. Persepsi penduduk yang menyatakan mereka selalu berasa selamat

Rajah 2 di atas telah menunjukkan bahawa secara keseluruhannya penduduk “kampung bandar” selalu berasa selamat tinggal di kawasan “kampung bandar”. Di sini hanya 10.6% sahaja mereka yang mengatakan mereka “berasa tidak selamat”. Bagi penduduk yang kadang-kadang “berasa selamat” pula adalah sebanyak 37.9%. Persepsi ini wujud bila mana sesuatu kejadian berhampiran dengan tempat tinggal mereka telah berlaku ancaman keselamatan seperti pecah rumah atau ragut. Keadaan ini akan menyebabkan mereka sentiasa berjaga-jaga dan berwaspada. Namun apabila kejadian itu telah berlalu dan tidak berulang serta berjaya dibentasi oleh pihak berkuasa, maka perasaan selamat tinggal di kawasan ini muncul. Sungguhpun begitu, 51.6% penduduk “kampung bandar” telah menyatakan bahawa mereka selamat tinggal di kawasan “kampung bandar” ini. pernyataan ini meliputi mereka yang menyatakan kerap berasa selamat meliputi 36.4% dan 15.2% penduduk lagi menyatakan sangat kerap berasa selamat tinggal di kampung ini.

Jadual 3. Persepsi “selalu berasa selamat” penduduk mengikut kampung


Kampung	Selalu berasa selamat				Jumlah
	Tidak pernah	Kadang-kadang	Kerap	Sangat kerap	
Kg. Berjaya	16.1%	39.5%	23.5%	20.9%	100%
Kg. Mempelam	1.9%	35.3%	56.9%	5.9%	100%

Jadual 3 menunjukkan bahawa penduduk di Kampung Mempelam lebih kerap dan sangat kerap berasa selamat, sebanyak 56.9% penduduk Kampung Mempelam menyatakan mereka lebih “kerap” berasa selamat tinggal di kampung itu, dan 5.9% lagi penduduk menyatakan “sangat kerap”, ini telah menjadikan jumlah penduduk Kampung Mempelam yang “kerap” dan “sangat kerap” berasa selamat adalah sebanyak 62.8%. Manakala 39.5% penduduk di Kampung Mempelam menyatakan kadang-kadang berasa selamat. Pernyataan ini dilihat sebagai langkah berhati-hati penduduk dengan kehidupan semasa. Hanya 1.9% sahaja penduduk di Kampung Mempelam menyatakan mereka tidak pernah berasa selamat tinggal di kampung ini. Kajian mendapati mereka ini sering menjadi mangsa kepada jenayah ragut, pecah rumah, dan kehilangan harta seperti kehilangan motosikal. Manakala penduduk di Kampung Berjaya sebanyak 39.5% penduduk di kampung ini menyatakan mereka kadang-kadang sahaja berasa selamat. 23.5% dan 20.9% lagi menyatakan kerap dan sangat kerap berasa selamat. Baki 16.1% lagi penduduk menyatakan mereka tidak pernah berasa selamat tinggal di kampung ini. Berdasarkan Jadual 3 jelas menunjukkan bahawa penduduk di Kampung Mempelam lebih kerap berasa selamat tinggal di kampung mereka, berbanding dengan penduduk di Kampung Berjaya.



Rajah 3. *Kekerapan mengunci pintu rumah walaupun berada di dalam rumah*

Walaupun secara keseluruhannya penduduk di “kampung bandar” ini selalu berasa selamat tinggal di kawasan kampung mereka, kekerapan mereka untuk mengunci pintu rumah adalah tinggi sunguhpun ketika mereka berada dalam rumah. Rajah 3 di atas telah menunjukkan 59.9% penduduk akan kerap dan sangat kerap mengunci pintu. Ini adalah bertujuan untuk menjamin keselamatan dan ia dianggap sebagai langkah berjaga-jaga bagi sebarang kemungkinan yang mungkin digunakan sebagai peluang oleh penjenayah untuk bagi mengambil kesempatan. Tindakan ini dilakukan pada setiap masa siang dan malam. Manakala bagi mereka yang kadang-kadang kunci dan kadang-kadang tidak pula hanyalah 19.7% sahaja. Baki 20.5% penduduk lagi menyatakan mereka tidak pernah mengunci pintu ketika mereka berada di dalam rumah. Mereka lebih yakin dengan tahap keselamatan di tempat tinggal mereka.




Rajah 4. *Kekerapan kereta peronda polis meronda di kawasan tempat tinggal penduduk*

Kereta peronda polis juga dilihat tidak selalu meronda di kawasan tempat tinggal penduduk, hasil temubual dengan penduduk rondaan kereta polis hanya dilakukan dua (2) minggu sekali dan kadang-kadang satu (1) minggu sekali. Sebanyak 65.9% penduduk menyatakan kereta peronda hanya kadang-kadang sahaja meronda melintasi kediaman mereka. Namun bagi penduduk yang tinggal di kawasan berhampiran dengan jalan utama sering melihat kereta peronda polis melintasi hadapan rumah mereka ini di buktikan sebanyak 23.5% penduduk mengakui kereta peronda polis kerap dan sangat kerap meronda di hadapan rumah mereka. Manakala 10.6% lagi tidak pernah melihat kereta peronda polis melintasi rumah mereka. Kekerapan kereta peronda memasuki kawasan perkampungan ini penting dalam memberi keyakinan kepada penduduk akan jaminan tahap keselamatan mereka sekampung (Rajah 4).

Keadaan ini turut diakui oleh penduduk di kedua-dua kampung berkenaan (Jadual 4). Kajian mendapati kereta peronda polis yang meronda di kedua-dua kampung berkenaan hanyalah seminggu sekali sahaja. Temubual yang dilakukan mendapati tumpuan kereta peronda ini hanyalah di jalan-jalan utama sahaja serta sekitar kawasan taman perumahan yang terdapat di sekitar kawasan “kampung bandar”, selain dari kawasan-kawasan panas yang terdapat disekitar Bandaraya Alor Setar ini.

Jadual 4. Persepsi penduduk berkenaan dengan kekerapan kereta peronda polis meronda mengikut kampung

Kampung	Kekerapan kereta peronda polis melalui kawasan di dalam kampung				Jumlah
	Tidak pernah	Kadang-kadang	Kerap	Sangat kerap	
Kg. Berjaya	9	55	16	1	81
Kg. Mempelam	5	32	14	-	51



Rajah 5. Persepsi penduduk terhadap kehadiran orang luar daripada kampung mereka

Kajian ini turut mendapati persepsi penduduk terhadap kehadiran orang luar dari kampung mereka adalah tinggi. Kelibat orang yang tidak dikenali melintasi rumah mereka juga sering kali dilihat, ini berlaku kerana kawasan kampung berkenaan merupakan jalan pintas untuk ke bandar dan berhampiran dengan kawasan perumahan. Keadaan curiga dengan orang luar yang menyewa di dalam kampung mereka juga turut mengundang kecurigaan penduduk setempat. Keadaan ini telah menyebabkan kesejahteraan mereka mula terganggu, namun sikap berhati-hati dan berwaspada adalah kunci utama mereka dalam mengawal keadaan semasa dan urusan harian (Rajah 5).

Kesimpulan

Ancaman keselamatan yang paling utama bagi penduduk “kampung bandar” adalah masalah banjir. Kajian mendapati 75.5% penduduk “kampung bandar” di Kampung Berjaya dan Kampung Mempelam mengakui bahawa masalah banjir ini sering menghantui penduduk di kedua-dua kampung berkenaan. Banjir merupakan bencana alam yang popular di Daerah Kota Setar ini. Hasil pemerhatian yang dilakukan mendapati punca utama berlaku kejadian ini ialah masalah peparitan yang tidak sempurna (di Kampung Mempelam) dan sistem aliran peparitan yang tersekat (di Kampung Berjaya). Ini ditambahkan pula dengan kedudukan kampung yang terletak berhampiran dengan sungai iaitu Kampung Berjaya di tepi Sungai Kedah dan Kampung Mempelam di tepi Sungai Mempelam. Di sini perkhidmatan daripada MBAS amat diharapkan oleh penduduk di kedua-dua kampung berkenaan. Pembinaan semula atau penaiktarafan sistem perparitan di kedua-dua kampung dikatakan dapat mengatasi masalah ini.

Selain itu, ancaman keselamatan seperti pecah rumah dan ragut kerap kali berlaku di kawasan “kampung bandar” ini. Kejadian pecah rumah dan ragut ini telah menjadikan kesejahteraan hidup penduduk “kampung bandar” hilang. Penduduk terpaksa berhadapan dengan situasi ini. Penduduk mendakwa kejadian pecah rumah dan ragut telah mengancam keharmonian dan kesejahteraan hidup mereka. Hasil kajian yang dilakukan terhadap kekerapan berlakunya masalah pecah rumah dan ragut mendapati 66.7% penduduk “kampung bandar” mengakui masalah pecah rumah kerap berlaku di kawasan mereka, manakala 58.3% lagi menyatakan kejadian ragut kerap berlaku di kawasan “kampung bandar” ini. Keadaan ini boleh mendatangkan trauma kepada penduduk “kampung bandar” dan menggugat kesejahteraan hidup mereka. Apabila perasaan susah hati, sering berasa tidak selamat, takut dan berwaspada, ini menunjukkan tahap kesejahteraan hidup sebenar penduduk. Ini selaras dengan kajian yang dilakukan oleh Asmah (2005) yang mendapattikesejahteraan ini tidak akan wujud apabila masyarakat merasakan mereka berada dalam keadaan yang susah, sukar, tertekan, berasa tidak selamat, sentiasa bercuriga dan tidak puashati.

Sungguhpun terdapat beberapa ancaman ke atas keselamatan penduduk di “kampung bandar”, 51.6% penduduk “kampung bandar” masih merasakan mereka berasa selamat tinggal di kampung ini, manakala 37.9% lagi menyatakan “kadang-kadang” berasa selamat, hanya 10.6% sahaja penduduk “kampung bandar” ini yang merasakan tidak selamat tinggal di kawasan “kampung bandar” ini. Persepsi di atas diukur secara keseluruhan, namun apabila dilakukan perbandingan di antara Kampung Berjaya dan Kampung Mempelam mendapati, penduduk di Kampung Mempelam lebih “kerap” beasa selamat tinggal di kampung mereka, sebanyak 56.9% penduduk di Kampung Mempelam kerap berasa selamat tinggal di kampung mereka. Di Kampung Berjaya pula hanya 23.5% sahaja penduduknya kerap berasa selamat, dan 39.5% penduduk pula menyata kadang-kadang berasa selamat. Perbezaan persepsi ini menunjukkan tahap kesejahteraan hidup penduduk “kampung bandar” terhadap ancaman keselamatan ini berbeza berdasarkan lokasi dan kekerapan berlakunya ancaman tersebut.

Rujukan

- Anuar Amir (2004) Merentasi dikotomi bandar/desa: Ke arah petempatan luar bandar yang mengalami limpahan pembangunan. *Jurnal Alam Bina* Jilid 6 (2), 67-86.
- Asmah Ahmad (2005) Kualiti hidup dan pengurusan persekitaran di Malaysia. *Prosiding Seminar Kebangsaan Pengurusan Persekitaran 2005*, pp. 3-14. Program Pengurusan Persekitaran, Pusat Pengajian Siswazah UKM, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Azahan Awang (2004) Ke arah penilaian kualiti hidup mampan masyarakat bandar di Malaysia. In: Jamaludin Md Jahi, Mohd Jailani Mohd Nor, Kadir Arifin, Azahan Awang (eds) *Alam sekitar dan kesejahteraan masyarakat Malaysia*, pp. 244-255. Pusat Pengurusan Persekitaran, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Azahan Awang, Abdul Hadi Harman Shah, Kadarudin Aiyub (2008) Penilaian makna kualiti hidup dan aplikasinya dalam bidang pengurusan persekitaran di Malaysia. *Akademika* 72 (Januari), 45-68.
- Jamaludin Md Jahi (2004) Kemerostan kualiti alam sekitar dan kesejahteraan masyarakat Malaysia di abad ke 21. In: Jamaludin Md Jahi, Mohd Jailani Mohd Nor, Kadir Arifin, Azahan Awang (eds) *Alam sekitar dan kesejahteraan masyarakat Malaysia*, pp. 10-28. Pusat Pengurusan Persekitaran, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Lim Lan Yuan, Belida Yuen, Christine Low (1999) *Urban quality of life: Critical issues and options*. School of Building and Real Estate. National University of Singapore.
- Sirgy MJ (2011) Theoretical perspectives guiding QOL indicator projects. *Social Indicator Research* 103, 1-2.
- Malaysia (2010) *Rancangan Malaysia Ke Sepuluh (2011-2015)*. Unit Perancang Ekonomi, Putrajaya, Malaysia.

- Narayana MR (2009) Education, human development and quality of life: Measurement issues and implications for India. *Social Indicator Research* **90**, 279-293.
- Cummins RA (2000) Objective and subjective quality of life: An interactive model. *Social Indicator Research* **52**, 55-72.
- Xie ZK (2005) *The transition from village to urban community: A study of institution, policy and the urban village problem during the urbanization in China*. China Social Sciences Press, Beijing.
- Yan Song, Yves Zenou (2011) Urban villages and housing values in China. *Journal of Regional Science and Urban Economic*, article in press, pp.1-11.